

MAJLIS PENUTUP KURSUS PENGURUSAN OPERASI PENGANGKUTAN SIRI 22/2017 DAN KURSUS SENGGARAAN KENDERAAN SIRI 60/2017

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2754-majlis-penutup-kursus-pengurusan-operasi-pengangkutan-siri-22-2017-dan-kursus-senggaraan-kenderaan-siri-60-2017

KINRARA, 6 Dis 17 – Majlis Penutup Kursus Pengurusan Operasi Pengangkutan Siri 22/2017 dan Kursus Senggaraan Kenderaan Siri 60/2017 telah berlangsung di Auditorium Institut Latihan Pengurusan Materiel (INSMAT) TUDM Kinrara yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM.

Pelatih Akademik Terbaik bagi Kursus Pengurusan Operasi Pengangkutan ialah F/Sjn Mohammad Ridhuan bin Asmuni dan bagi Kursus Senggaraan Kenderaan ialah Kpl U Mohd Nuur Fadhullah bin Hamri. Manakala bagi Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan telah dinobatkan kepada Sjn U Norul Faizal bin Yaacob dari Kursus Pengurusan Operasi Pengangkutan dan Kpl U Muhammad Fakhriy bin Sabri dari Kursus Senggaraan Kenderaan.

